

# POLISI ANTIRASUAH

## MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Majlis Perbandaran Klang (MPK) komited kearah pencapaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti dengan konsep penambahbaikan secara berterusan dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, dan memerangi sebarang bentuk aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan semua kakitangan dan pihak berkepentingan

MPK sentiasa komited dalam usaha yang konsisten dan berterusan memerangi risiko rasuah melalui pelaksanaan berikut: -

1. Pemakaian dan pelaksanaan polisi Antirasuah ini selaras dengan undang-undang yang digunapakai di Malaysia dan menjadi keutamaan MPK mematuhi undang-undang tersebut. Polisi ini terpakai kepada pihak Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPK, kontraktor / pembekal, sub-kontraktor / pembekal, juru perunding, ejen, wakil dan lain-lain pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak MPK. Kesemua pihak tersebut perlu mematuhi bahagian yang berkaitan dengan polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan.
2. Pengurusan MPK komited dalam mematuhi keperluan seperti yang ditetapkan dalam standard Sistem Pengurusan Antirasuah dan menjadi kewajipan warga kerja MPK untuk mematuminya;
3. Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi warga kerja dan pihak berkepentingan;
4. Mewujudkan program yang boleh mengenalpasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai objektif ABMS;
5. Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai sebarang kelakuan tidak beretika / wajar, aktiviti berunsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower Policy*) dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.

(TPr. HAJAH NORAINI BINTI ROSLAN S.I.S., P.P.T)

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Tarikh : 7/9/2022